

HUBUNGAN PERSONALITI, KEMAHIRAN SOSIAL, KEBIMBANGAN DAN RAKAN SEBAYA DENGAN TINGKAH LAKU DEVIAN DI KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI

Wan Su Hj Haron
Sarjana Sains (Kaunseling) UUM
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Malaysia Perlis

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji beberapa faktor iaitu personality, kemahiran social, kebimbangan dan hubungan rakan sebaya dengan tingkahlaku devian di kalangan pelajar universiti. Bagi mengkaji perbezaan tingkahlaku devian, faktor latar belakang subjek iaitu jantina dan bangsa digunakan. Selain itu, kajian ini juga mengkaji hubungan tingkahlaku devian terhadap tahap pencapaian akademik pelajar. Seramai 210 responden telah dijadikan sampel untuk mewakili populasi. Satu set soal selidik yang merangkumi latar belakang, ukuran personaliti, kemahiran sosial, kebimbangan, dan hubungan rakan sebaya digunakan. Data kajian dianalisis dengan menggunakan Ujian-t, Korelasi Pearson, dan ANOVA Sehala. Keputusan kajian menunjukkan terdapat hubungan secara signifikan di antara pembolehubah personaliti, kemahiran sosial, dan hubungan rakan sebaya dengan tingkahlaku devian. Pembolehubah kebimbangan menunjukkan tidak wujud hubungan dengan tingkahlaku devian. Faktor latar belakang iaitu jantina dan bangsa menunjukkan terdapat perbezaan tingkahlaku devian, manakala faktor tahap pencapaian akademik menunjukkan tidak wujud hubungan dengan pengaruh tingkahlaku devian.

Pengenalan

Masalah gejala sosial yang melanda masyarakat kita pada hari ini semakin membimbangkan dan masih terus berlaku walaupun pelbagai kaedah dan jalan penyelesaian telah dilakukan oleh kerajaan bagi membendung masalah ini daripada terus berleluasa. Pelbagai gejala sosial dan aktiviti yang dianggap menyimpang dari norma-norma dan nilai-nilai masyarakat berlaku di kalangan golongan remaja ataupun dewasa.

Masalah sosial yang paling membimbangkan kita pada hari ini apabila golongan pelajar terlibat dalam aktiviti jenayah. Pada peringkat pelajar, seseorang individu mengalami perubahan yang amat pesat sekali, sama ada dari segi fizikal, emosi mahupun sosial dan terdedah kepada persekitaran luar rumah yang luas serta cenderung dipelajari. Tidak semua perkara dipelajari daripada ibubapa tetapi juga daripada persekitaran sosial di mana mereka membesar dan pada masa inilah mereka mula mengubah tingkahlaku, sikap, dan nilai cara hidup daripada alam kanak-kanak kepada alam yang lebih matang dan dewasa (Bettelheim, 1950).

Kegiatan jenayah seperti samseng dan gangterisme juga semakin meningkat di kalangan pelajar. Dalam tempoh 10 tahun antara 1989 hingga 1998 kadar jenayah membabitkan remaja lelaki dan pelajar meningkat sebanyak 35.0% dan 25.0% bagi remaja perempuan (Berita Harian, 12 Julai 2001). Dengan kerjasama polis, Kementerian Pendidikan telah mengenalpasti pelajar 456 sekolah menengah di seluruh negara terdedah kepada

kegiatan samseng. Angka ini bukan sedikit dan menunjukkan gejala ini berada pada tahap yang membimbangkan.

Pembabitan pelajar dalam kes jenayah seperti membunuh, merogol, menyamun, mengugut, kes pukul dan segala bentuk penyalahgunaan bahan dilihat bukan lagi sesuatu yang baru. Mengikut laporan Menteri Pendidikan semasa persidangan di Parlimen, statistik kesalahan membunuh, merompak, merogol dan dadah yang dilakukan oleh pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia mengikut negeri-negeri dari tahun 1999 hingga tahun 2000 dan pertengahan tahun 2001 ialah 12 kes bunuh, 123 kes rogol dan 51 kes samun dan rompakan (Utusan Malaysia, 17 Oktober 2000).

Peranan rakan sebaya turut menyumbang kepada berlakunya gejala sosial terutama kepada pelajar-pelajar yang tercicir dalam pelajaran dan yang mengalami masalah keluarga. Rakan-rakan dapat mencorak personaliti individu tertentu. Justeru itu, ibu bapa patut tahu siapa rakan-rakan anak mereka, apa aktiviti mereka, di mana mereka berjumpa dan lain-lain persoalan lagi. Menurut teori fungsionalisme, ibu bapa, pihak sekolah, rakan sebaya dan media massa saling berperanan dalam mengatasi masalah disiplin (Amir Hasan Dawi, 2002).

Metod

Kajian ini merupakan kajian secara deskriptif dan inferensi untuk mengkaji hubungan antara pembolehubah bebas iaitu personaliti, kebimbangan, kemahiran sosial, dan hubungan rakan sebaya dengan tingkahlaku devian. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik bagi mengumpul data.

Seramai 210 pelajar telah dipilih berdasarkan kepada ciri-ciri populasi pelajar seperti semester, jantina, bangsa, agama, umur dan tahap pencapaian akademik. Teknik persampelan yang digunakan ialah persampelan bertujuan. Tatacara pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini dikenali sebagai *drop and collect* di mana penyelidik sendiri akan mengedarkan soal selidik secara rawak kepada pelajar. Setiap pelajar akan mengembalikan borang soal selidik yang telah dilengkapkan kepada penyelidik.

Ciri-ciri subjek merangkumi jantina, bangsa, umur, agama dan semester responden. Daripada 210 responden yang dipilih, 56.2% terdiri daripada lelaki iaitu seramai 118 orang dan 42.8% terdiri daripada perempuan iaitu seramai 92 orang. Bilangan daripada bangsa Melayu ialah 77.1% iaitu seramai 162 orang, Cina 11.9% iaitu seramai 25 orang, India 6.2% iaitu seramai 13 orang dan lain-lain bangsa 4.8% iaitu seramai 10 orang.

Majoritinya responden berumur dalam lingkungan 20 hingga 24 tahun. Seramai 19 orang pelajar berumur 20 tahun, 40 pelajar berumur 21 tahun, 57 pelajar berumur 22 tahun, 59 pelajar berumur 23 tahun dan 22 pelajar berumur 24 tahun. Mereka yang berumur 25 dan 26 tahun seramai empat orang dan mereka yang berumur 19, 30, 37, dan 40 tahun hanya seorang.

Dalam kajian ini responden yang beragama Islam adalah seramai 165 orang, Buddha 20 orang, Hindu 14 orang, Kristian 9 orang dan lain-lain agama dua orang. Semester responden terdiri daripada semester satu (1) hingga lapan (8). Responden semester satu sebanyak 3 orang, dua (36), tiga (4), empat (51), lima (5), enam (100), tujuh (5), dan lapan (6).

Alat Kajian

Satu set soal selidik yang terdiri daripada 6 bahagian telah digunakan sebagai alat kajian. Setiap bahagian dalam set soal selidik ini digunakan bagi mengukur dan mendapatkan data yang berlainan dimensi. Enam bahagian tersebut ialah:

1. Bahagian A mengenai latar belakang responden
2. Bahagian B mengukur personality
3. Bahagian C mengukur kemahiran social
4. Bahagian D mengukur kebimbangan
5. Bahagian E mengukur pengaruh rakan sebaya
6. Bahagian F mengukur tingkahlaku devian

Latar Belakang

Bahagian A adalah soalan-soalan yang berhubung dengan latar belakang responden serta beberapa soalan berkaitan dengan tingkahlaku devian berdasarkan pengalaman diri responden. Semua soalan bahagian ini dibentuk sendiri oleh pengkaji dengan merujuk kepada soal selidik kajian-kajian lepas.

Ukuran Personaliti

Bahagian B pula adalah untuk mengukur tahap personaliti seseorang. Soal selidik ini telah dibina oleh Borgatta (1961) yang pada asalnya mengandungi 20 item untuk mengukur 5 dimensi personaliti dengan menggunakan skala 10 poin (Likert, 1932). Kemudian dimodifikasi menjadi 24 item bagi mengukur 6 dimensi tert personaliti dan menggunakan 8 poin skala. Responden diberi pilihan jawapan dari 0 iaitu sangat tidak mengambarkan diri saya hingga 7 iaitu sangat mengambarkan diri saya. Enam faktor tert personaliti yang diukur ialah assertif, peramah, cerdas, emosi, bertanggungjawab dan agama. Item yang terdapat di dalam soal selidik ini mengandungi item positif dan negatif. Lihat Jadual 2.1.

Contoh item positif: Saya sangat aktif

Contoh item negatif: Saya sukar mematuhi peraturan tuhan

Jadual 2.1: Faktor Personaliti Mengikut Item

Bil.	Dimensi / Tret Personaliti	No Item Positif	No Item Negatif
1	Asertif	1 6 18 24	
2	Peramah	5 6 7 8	
3	Cerdas	9 10 11 12	
4	Emosi		13 14 15 16
5	Bertanggungjawab	17 18 19 20	
6	Agama	24	21 22 23

Ukuran Kemahiran Sosial

Bagi bahagian D pula adalah untuk mengukur tahap kemahiran sosial seseorang. Soal selidik telah diambil dari sebuah buku yang bertajuk *Measure Social Psychological Attitude* oleh Robinson et.al. (1973). Soalan ini telah dibina oleh Scott (1965) yang berjudul *Personal Value Scales*. Soal selidik ini tidak menyatakan dimensi kemahiran sosial yang diukur. Soal selidik ini hanya mempunyai 3 pilihan jawapan iaitu sangat tidak mengambarkan diri saya, sedikit mengambarkan diri saya dan sangat mengambarkan diri saya. Semua soalan diterjemahkan semula ke dalam bahasa Melayu secara *Back Translation*. Soal selidik ini mengandungi 22 soalan yang terdiri daripada item positif dan negatif. Lihat Jadual 2.3.

Jadual 2.3: Faktor Kemahiran Sosial Mengikut Item

Bil.	Dimensi	No Item Positif	No Item Negatif
1	Kemahiran Sosial	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11	13 14 15 16 17 18 19 20 21 22

Ukuran Kebimbangan

Bahagian C mengukur tahap kebimbangan seseorang. Soal selidik ini telah dibina oleh Beverly A. Potter (1997) yang mengandungi 9 dimensi kebimbangan dan setiap dimensi mempunyai 4 soalan dengan menggunakan skala 9 poin. Di dalam kajian ini, penyelidik hanya memilih 4 dimensi kebimbangan yang sesuai iaitu kebimbangan fizikal, tindakbalas emosional, kebimbangan sosial, dan tingkahlaku disfungsional. Semua soalan diterjemahkan semula ke dalam bahasa Melayu secara *Back Translation*.

Jadual 2.2 menunjukkan bahawa hanya item 7 adalah negatif manakala yang lain adalah item positif. Pilihan jawapan yang diberikan kepada responden adalah dari 1 bagi mewakili sangat tidak menggambarkan diri saya hingga 9 bagi mewakili sangat menggambarkan diri saya.

Jadual 2.2: Faktor Kebimbangan Mengikut Item

Bil.	Dimensi	No Item Positif	No Item Negatif
1	Kebimbangan Fizikal	1 2 3 4	
2	Tindakbalas Emosional	5 6 8	7
3	Kebimbangan Sosial	9 10 11 12	
4	Tingkahlaku Disfungsional	13 14 15 16	

Ukuran Hubungan Rakan Sebaya

Bahagian E adalah item yang digunakan untuk mengukur hubungan rakan sebaya. Soal selidik telah diambil dari *Puerto Rican Adolescence Survey (PRAS)* yang telah digunakan oleh Pabon dan Gurin (1992) dalam kajian yang bertajuk *Clarifying Peer Relations and Delinquency* dalam *Youth and Society*, 24(2), Disember 1992, 149-165. Semua soalan diterjemahkan semula ke dalam bahasa Melayu secara *Back Translation*. Soal selidik ini mengandungi 8 item yang terdiri daripada item positif dan negatif. Skala jawapan yang disediakan untuk responden adalah berbentuk skala 5 poin iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju, dan sangat setuju. Lihat Jadual 2.4.

Jadual 2.4: Faktor Rakan Sebaya Mengikut Item

Bil.	Dimensi	No Item Positif	No Item Negatif
1	Hubungan	1	2 3 4
2	Masa Bersama	6 7 8	

Ukuran Tingkahlaku Devian

Bahagian F pula adalah item yang digunakan untuk mengukur tingkahlaku devian. Soal selidik ini telah dibina oleh Clark dan Tiffet's (1996) (dlm. Wetland & Smith, 1993) yang pada asalnya mengandungi 28 item kemudian diubah oleh penyelidik menjadi 29 item. Beberapa item telah dibuang dan ditambah oleh penyelidik dengan tujuan dapat

disesuaikan dengan budaya dan amalan masyarakat di Malaysia. Kesemua item ini adalah positif. Responden diberi pilihan jawapan dalam bentuk skala 5 poin iaitu tidak pernah, jarang-jarang, kadang-kala, kerap kali, dan setiap masa. Semua soalan diterjemahkan semula ke dalam bahasa Melayu secara *Back Translation*. Pembahagian item mengikut dimensi adalah seperti Jadual 2.5.

Jadual 2.5: Faktor Tingkahlaku Devian Mengikut Item

Bil.	Dimensi	Item
1	Kesalahan Lalulintas / Pengangkutan	2 5 9 10 14 29
2	Kecurangan Akademik	3 6 19 26 27 28
3	Mencuri	1 8 12 21
4	Harta Benda	7 23
5	Fizikal	13 17 18 20 27
6	Perbualan	11 24 25
7	Kecenderungan	4 12 15 16 22

Sistem Pemarkatan

Latar Belakang

Item-item bahagian A dalam soal selidik ini merupakan data berhubung dengan latar belakang diri responden dan 6 soalan mengenai pengalaman responden berkenaan dengan tingkahlaku devian yang pernah dilakukan. Soalan ini memberikan dua pilihan jawapan iaitu ya atau tidak.

Ukuran Personaliti

Bahagian B iaitu mengukur personaliti diberi pilihan 8 jawapan dan semua item diukur berdasarkan jenis item. Markat maksimum bagi bahagian ini ialah 192 dan minimum pula 24. Oleh itu, subjek yang memperolehi markat di antara 120 hingga 192 dianggap mempunyai tahap personaliti yang baik, manakala subjek yang memperolehi markat di antara 24 hingga 119 dianggap mempunyai tahap personaliti yang kurang baik. Item negatif telah dikod semula sebelum data diproses. Pembahagian markat adalah seperti Jadual 2.6.

Jadual 2.6: Skala Permarkatan Personaliti

Darjah Persetujuan Subjek	Markat Item Positif	Markat Item Negatif
Menggambarkan Diri Saya	7	0
	6	7
	5	6
	4	5
	3	4
	2	3
	1	2
Sangat Tidak Menggambarkan Diri Saya	0	1

Ukuran Kemahiran Sosial

Bahagian D mengukur kemahiran sosial pula diberi pilihan 3 jawapan. Markat maksimum ialah 66 dan minimum pula 22. Item negatif telah dikodkan semula sebelum data diproses. Subjek yang memperolehi markat yang tinggi iaitu di antara 45 hingga 66 dianggap mempunyai kemahiran sosial yang baik, manakala subjek yang memperolehi markat di antara 22 hingga 44 dianggap mempunyai kemahiran sosial yang kurang baik. Pembahagian markat adalah seperti Jadual 2.8.

Jadual 2.8: Skala Pemarkatan Kemahiran Sosial

Darjah Persetujuan Subjek	Markat Item Positif	Markat Item Negatif
Sangat Menggambarkan Diri Saya	3	1
Sedikit Menggambarkan Diri Saya	2	2
Sangat Tidak Menggambarkan Diri Saya	1	3

Ukuran Kebimbangan

Bahagian C mengukur kebimbangan diberi pilihan 9 jawapan. Markat maksimum ialah 144 dan minimum pula 16. Pembahagian markat adalah seperti Jadual 2.7. Item negatif telah dikodkan semula sebelum data diproses.

Jadual 2.7: Skala Permarkatan Kebimbangan

Darjah Persetujuan Subjek	Markat Item Positif	Markat Item Negatif
Sangat Menggambarkan Diri Saya	9	1
	8	2
	7	3
	6	4
	5	5
	4	6
	3	7
	2	8
Sangat Tidak Menggambarkan Diri Saya	1	9

Subjek yang mendapat markat yang tinggi iaitu di antara 96 hingga 144 dianggap mempunyai tahap kebimbangan yang tinggi, manakala subjek yang mendapat markat yang rendah iaitu di antara 16 hingga 95 dianggap mempunyai tahap kebimbangan yang rendah.

Ukuran Hubungan Rakan Sebaya

Bahagian E mengukur hubungan rakan sebaya diberi pilihan 5 jawapan. Markat maksimum ialah 40 dan minimum pula 8. Item yang negatif telah dikodkan semula sebelum diproses. Subjek yang mendapat markat di antara 25 hingga 40 dianggap mempunyai hubungan rapat dengan rakan sebaya yang tinggi, manakala subjek yang mendapat markat di antara 8 hingga 24 dianggap tidak mempunyai hubungan yang rapat dengan rakan sebaya. Pembahagian markat adalah seperti Jadual 2.9.

Jadual 2.9: Skala Pemarkatan Hubungan Rakan Sebaya

Darjah Persetujuan Subjek	Markat Item Positif	Markat Item Negatif
Sangat Setuju	5	1
Setuju	4	2
Tidak pasti	3	3
Tidak Setuju	2	4
Sangat Tidak Setuju	1	5

Ukuran Tingkahlaku Devian

Bahagian F mengukur tahap tingkahlaku devian pula diberi pilihan 5 jawapan. Markat maksimum ialah 145 dan minimum pula 29. Subjek yang mendapat markat yang tinggi iaitu di antara 88 hingga 145 dianggap mempunyai kekerapan melakukan tingkahlaku devian yang tinggi, manakala subjek yang mendapat markat yang rendah iaitu di antara 29 hingga 87 dianggap kurang melakukan tingkahlaku devian. Pembahagian markat adalah seperti Jadual 2.10.

Jadual 2.10: Skala Pemarkatan Tingkahlaku Devian

Darjah Persetujuan Subjek	Markat Item Positif	Markat Item Negatif
Setiap Masa	5	1
Kerap Kali	4	2
Kadang-Kala	3	3
Jarang-Jarang	2	4
Tidak Pernah	1	5

Kebolehpercayaan Alat Kajian

Pra-ujian telah dijalankan oleh penyelidik ke atas 30 orang pelajar UUM sebelum ujian sebenar dilakukan. Kaedah *alpha cronbach* digunakan untuk melihat nilai kebolehpercayaan alat ujian mengukur personaliti, kemahiran sosial, kebimbangan, rakan sebaya dan tingkahlaku devian. Nilai pekali alpha yang diperolehi adalah seperti Jadual 2.11.

Jadual 2.11: Nilai Pekali Kebolehpercayaan Pra-ujian Mengikut Ukuran

Ukuran	Bil. Item	Nilai Alpha
Personaliti	24	.83
Kebimbangan	16	.85
Kemahiran Sosial	22	.82
Rakan Sebaya	8	.74
Tingkahlaku Devian	30	.84

Daripada Jadual 2.11, dapat dilihat bahawa nilai pekali α bagi ujian mengukur personaliti, kebimbangan, kemahiran sosial, dan tingkahlaku devian didapati melebihi .80. Ini menunjukkan bahawa alat ukuran ini dapat membezakan antara individu dan ia selari dengan pernyataan Anastasi (1982) yang mengatakan nilai kebolehpercayaan yang baik

ialah .8 ke atas. Bagi mengukur hubungan rakan sebaya, nilai pekali alpha yang diperolehi ialah .74. Nilai ini dianggap sesuai bagi tujuan penyelidikan. Keputusan ini selaras dengan pendapat Kaplan dan Saccuzzo (2001) yang mencadangkan nilai α antara .7 hingga .8.

Tetapi pada bahagian mengukur tingkahlaku devian terdapat item yang mempunyai varian kosong iaitu item nombor 10 yang menyatakan *pernah memecah masuk rumah, stor atau bangunan*. Item ini terpaksa dibuang kerana tidak dapat memberikan perbezaan terhadap 30 subjek pra-ujian dan semua subjek telah menjawab jawapan yang sama. Oleh itu, jumlah item yang akan digunakan untuk ujian sebenar ialah 29 item daripada 30 item yang dibina.

Keputusan Kajian

Keputusan kajian dijelaskan secara deskriptif dan inferensi. Keputusan secara deskriptif menjelaskan secara ringkas dapatan kajian bentuk tingkah laku devian yang dilakukan oleh pelajar. Keputusan secara inferensi dijelaskan berdasarkan kepada pengujian hipotesis sama ada terdapat hubungan di antara tingkah laku devian dengan beberapa pembolehubah bebas seperti personaliti, kebimbangan, kemahiran sosial, rakan sebaya, umur, dan tahap pencapaian akademik analisis Korelasi Pearson telah digunakan. Perbezaan tingkah laku devian mengikut jantina dianalisis menggunakan Ujian-t manakala bagi bangsa pula dianalisis dengan menggunakan ANOVA Sehala.

Keputusan deskriptif digunakan untuk memaparkan maklumat umum mengenai bentuk tingkah laku devian yang pernah dilakukan oleh pelajar yang telah diperolehi daripada responden. Kajian menunjukkan 41.4% memandu tanpa lesen, 18.1% adalah perokok, 39.5% pernah merokok, 89.5% pernah ponteng kuliah, dan 30.5% pernah ditahan oleh mana-mana penguatkuasa kerana melakukan kesalahan. Jadual 3.1 menunjukkan bentuk tingkah laku devian yang dilakukan, bilangan dan peratusan pelajar yang terlibat.

Jadual 3.1: Bentuk Tingkah laku Devian Yang Dilakukan Oleh Pelajar

Bentuk Tingkah laku Devian	n	Peratus Penglibatan
Memandu Tanpa Lesen	87	41.4
Perokok	38	18.1
Pernah Merokok	83	39.5
Ponteng Kuliah	188	89.5
Pernah Ditahan atas Kesalahan	64	30.5

Jadual 3.1 di atas juga menunjukkan seramai 188 pelajar atau 89.5% responden melakukan tingkah laku devian dengan ponteng kuliah berbanding dengan tingkah laku devian yang lain. Walaupun keputusan menunjukkan peratusan dan bilangan pelajar yang ponteng kuliah adalah tinggi tetapi min ukuran tingkah laku devian secara keseluruhannya menunjukkan pelajar secara sederhana kurang melakukan tingkah laku devian iaitu 53.62.

Tahap Tingkahlaku Devian Di Kalangan Pelajar

Pelajar menunjukkan secara sederhana kurang melakukan tingkahlaku devian kerana min tingkahlaku devian yang diperolehi ialah 53.62 dan skor minimum yang diperolehi ialah 31 manakala maksimum ialah 106. Subjek yang memperolehi skor di antara 29 hingga 87 dianggap kurang melakukan tingkahlaku devian dan subjek yang mendapat skor 88 hingga 145 pula dianggap banyak melakukan tingkahlaku devian. Min tingkahlaku devian yang diperolehi menunjukkan berada dalam linkungan 29 hingga 87. Ini bermakna bahawa pelajar universiti secara sederhana kurang melakukan tingkahlaku devian.

Jadual 3.2: Tahap Tingkahlaku Devian Pelajar

Pembolehubah	n	Min	Sisihan Piawai	Skor Minimum	Skor Maksimum
Tingkahlaku Devian	210	53.62	15.36	31	106

Pengujian Hipotesis

Untuk menguji hipotesis-hipotesis yang dibina statistik inferensi digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis yang dibina. Korelasi Pearson digunakan untuk menguji hubungan tingkahlaku devian dengan pembolehubah personaliti, kemahiran sosial, keimbangan, dan hubungan rakan sebaya. Analisis Ujian-t digunakan untuk menguji perbezaan tingkahlaku devian mengikut jantina, manakala bagi menguji perbezaan tingkahlaku devian mengikut bangsa pula ANOVA Sehala digunakan.

Min dan Hubungan Tingkahlaku Devian Dengan Personaliti, Kebimbangan, Kemahiran Sosial, dan Hubungan Rakan Sebaya.

Jadual 3.3 menunjukkan min dan hubungan pembolehubah personaliti, kemahiran sosial, keimbangan, dan hubungan rakan sebaya dengan tingkahlaku devian. Hasil kajian menunjukkan pembolehubah personaliti, kemahiran sosial, dan hubungan rakan sebaya mempunyai hubungan negatif secara signifikan dengan tingkahlaku devian. Hanya pembolehubah keimbangan menunjukkan tidak wujud hubungan dengan tingkahlaku devian.

Jadual 3.3: Min dan Hubungan Tingkahlaku Devian Dengan Personaliti, Kemahiran Sosial, Kebimbangan, dan Hubungan Rakan Sebaya

Pembolehubah	Tingkahlaku Devian	
	Min	r
Personaliti	96.86	-.35*
Kemahiran Sosial	54.08	-.55*
Kebimbangan	81.33	.08
Hubungan Rakan Sebaya	29.33	-.24*

* $p < .05$

Bagi hubungan tingkahlaku devian dengan personaliti, keputusan menunjukkan terdapat hubungan negatif secara signifikan ($r = -.35$, $p < .05$). Ini bermakna bahawa semakin tinggi tahap personaliti, semakin rendah tahap tingkahlaku devian seseorang, maka hipotesis yang dibina diterima.

Hubungan tingkahlaku devian dengan kemahiran sosial pula keputusan mendapati wujud hubungan negatif secara signifikan ($r = -.55$, $p < .05$). Ini bermakna bahawa semakin tinggi tahap kemahiran sosial, semakin kurang tingkahlaku devian yang dilakukan, maka hipotesis yang dibentuk diterima.

Keputusan hubungan tingkahlaku devian dengan kebimbangan yang diperolehi menunjukkan terdapat hubungan positif yang lemah tetapi tidak signifikan ($r = .08$, $p > .05$). Oleh itu keputusan menunjukkan bahawa tidak wujud hubungan di antara kebimbangan dengan tingkahlaku devian di kalangan pelajar universiti, maka hipotesis yang dibina ditolak.

Keputusan hubungan tingkahlaku devian dengan hubungan rakan sebaya mendapati wujud hubungan negatif secara signifikan ($r (210) = -.24$, $p < .05$). Ini bermakna semakin tinggi tahap hubungan rakan sebaya semakin kurang tingkahlaku devian yang dilakukan, maka hipotesis yang dibina diterima.

Hubungan Tingkahlaku Devian Dengan Tahap Pencapaian Akademik

Tahap pencapaian akademik dihipotesiskan mempunyai hubungan dengan tingkahlaku devian. Keputusan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan di antara tahap pencapaian akademik iaitu purata matagred keseluruhan (PMK) dengan tingkahlaku devian ($r = -.09$, $p > .05$). Min PMK yang diperolehi ialah 3.01. Jadual 3.4 menunjukkan hubungan di antara tingkahlaku devian dengan tahap pencapaian akademik.

Jadual 3.4: Hubungan Tingkahlaku Devian Dengan Tahap Pencapaian Akademik

Pembolehubah	Tahap Pencapaian Akademik <i>r</i>
Tingkahlaku Devian	-.09

Perbezaan Tahap Tingkahlaku Devian Mengikut Jantina

Berdasarkan kepada sorotan karya, terdapat perbezaan tingkahlaku devian mengikut jantina. Keputusan Ujian-t yang diperolehi menunjukkan min tingkahlaku devian di antara lelaki dan perempuan berbeza secara signifikan ($t (208) = 5.533$, $p < .05$). Nilai min mengikut jantina menunjukkan perbezaan yang jelas dan didapati nilai min lelaki lebih tinggi iaitu 58.47 berbeza dengan nilai min perempuan iaitu 47.4. Dengan itu hipotesis yang dibina diterima. Ini bermakna lelaki lebih banyak melakukan tingkahlaku devian berbanding dengan perempuan. Keputusan dijelaskan dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.4: Perbezaan Tahap Tingkahlaku Devian Mengikut Jantina

Jantina	n	Min	Sisihan Piawai	t
Lelaki	118	58.47	16.55	5.533*
Perempuan	92	47.40	10.97	

* $p < .05$

Perbezaan Tahap Tingkahlaku Devian Mengikut Bangsa

Berdasarkan kepada permasalahan kajian tingkahlaku devian mengikut bangsa dikatakan mempunyai perbezaan yang ketara. Bagi mengkaji perbezaan tingkahlaku devian dan bangsa, analisis ANOVA Sehala telah digunakan. Hasil analisis yang didapati statistik F = 2.695 dengan nilai signifikan ialah .047 dan ia lebih kecil dari .05. Oleh itu keputusan yang diperolehi menunjukkan terdapat perbezaan min tingkahlaku devian mengikut

bangsa secara signifikan ($F(3,206) = 2.695$, $p < .05$), oleh itu hipotesis yang dibina diterima. Jadual 3.5 menunjukkan perbezaan min tingkahlaku devian mengikut bangsa.

Jadual 3.5: Perbezaan Min Tingkahlaku Devian Mengikut Bangsa

Min Mengikut Bangsa	Perbezaan Min Secara Mutlak			
	Melayu	Cina	India	Lain-lain
Melayu (52.22)	-	5.50	2.85	11.88
Cina (57.72)		-	2.64	6.38
India (55.07)			-	9.02
Lain-lain (64.10)				-

Berdasarkan kepada Jadual 3.5, min tingkahlaku devian yang paling tinggi ialah di kalangan pelajar lain-lain bangsa (64.10) dan diikuti dengan pelajar Cina (57.72), pelajar India (55.07) dan yang paling rendah pelajar Melayu (52.22). walaupun analisis ANOVA Sehala menunjukkan terdapat perbezaan tingkahlaku devian di antar bangsa, namun keputusan ujian post hoc Tukey HSD menunjukkan tidak terdapat perbezaan min tingkahlaku devian mengikut setiap bangsa. Tetapi bangsa Melayu dan Lain-lain bangsa menunjukkan perbezaan min tingkahlaku devian yang ketara dengan perbezaan nilai min -11.88. Ini bermakna Lain-lain bangsa lebih banyak melakukan tingkahlaku devian berbanding bangsa Melayu.

Perbincangan

Personaliti dan Tingkahlaku Devian

Kajian ini menunjukkan wujud hubungan negatif yang signifikan di antara pembolehubah personaliti dengan tingkahlaku devian di kalangan pelajar universiti. Ini bermakna bahawa semakin tinggi tahap personaliti seseorang, semakin kurang tingkahlaku devian yang dilakukan.

Keputusan ini selaras dengan keputusan kajian yang diperolehi oleh Mayer (1988) yang dilakukan ke atas pelajar sekolah tinggi di Chicago mendapati mereka yang menyalahgunakan alkohol mempunyai hubungan yang signifikan dengan personaliti. Salah satu ciri-ciri personaliti yang dikaji ialah tanggungjawab. Mereka yang memperolehi skor tanggungjawab yang rendah mempunyai hubungan dengan penyalahgunaan alkohol. Kajian-kajian lain juga mengenalpasti ciri-ciri personaliti berhubungkait dengan penyalahgunaan alkohol. Mackay (1961) menyatakan kawalan rangsangan yang lemah, permusuhan, dan kemurungan merupakan ciri-ciri yang terdapat pada pemabuk. Kajian yang dilakukan oleh Monte & Fish (dlm. Schwarzer, Vander Ploeg, & Spielberger, 1989). juga mendapati personaliti mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkahlaku devian. Mereka yang takut gagal dalam matapelajaran akan melakukan tingkahlaku meniru.

Heaven (1996) (dlm. Jan ter Laak, et.al., 2003) yang mengkaji hubungan di antara *Big Five* personaliti dan delinkuen mendapati terdapat hubungan secara signifikan di antara

tahap tingkahlaku delinkuen dengan *neuroticism* dan *conscientiousness* di kalangan pelajar sekolah tinggi. Caspi, Rabins, Moffit, dan Stouthamer-Loeber (1994) (dlm. Jan ter Laak, et.al., 2003) juga mengkaji delinkuen dengan personaliti mendapati tahap tinggi delinkuen diiringi dengan tahap rendah *agreebleness* dan *conscientiousness*. Kedua-dua kajian ini menunjukkan bahawa personaliti secara khususnya berkait rapat dengan tingkahlaku devian. Ini bermakna semakin tinggi atau semakin baik tahap personaliti, semakin kurang tingkahlaku devian yang dilakukan. Keputusan kajian mereka selaras dengan kajian ini yang mendapati semakin tinggi tahap personaliti, semakin kurang tingkahlaku devian yang dilakukan.

Kemahiran Sosial dan Tingkahlaku Devian

Kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara kemahiran sosial dengan tingkahlaku devian. Hasil kajian ini menjelaskan bahawa, semakin tinggi tahap kemahiran sosial, semakin kurang tingkahlaku devian yang dilakukan.

Kekurangan kemahiran sosial pada seseorang boleh menyebabkan berlakunya tingkahlaku devian. Menurut Walker, Kavanagh, Stiller, Golly, Severson, dan Feil (1996) (dlm. Fraser, 2004) latihan kemahiran sosial telah menunjukkan kesan yang efektif dalam meningkatkan kesesuaian interaksi pelajar dan menurunkan kecenderungan kepada tingkahlaku agresif. Ini kerana kebanyakan mereka yang diberi latihan kemahiran sosial adalah mereka yang terlibat dalam tingkahlaku delinkuen. Ahli psikologi juga menekankan bahawa juvana delinkuen sememangnya mempunyai kemahiran sosial yang kurang berbanding juvana bukan delinkuen, contohnya dalam aspek menyelesaikan masalah. Oleh sebab itu latihan kemahiran sosial telah menjadi sebahagian daripada program pemulihan juvana delinkuen (Gendreau & Ross, 1987).

Kajian ini telah membuktikan bahawa pelajar yang mempunyai tahap kemahiran sosial yang tinggi kurang melakukan tingkahlaku devian. Kemahiran sosial juga berkait rapat dengan hubungan rakan sebaya. Menurut Hirschi (1969) berdasarkan kepada Teori Kawalan Sosial (dlm. Houtzager & Baerveldt, 1999) atau Model Ketidakbolehan Sosial yang diutarakan oleh Hansell dan Wiatrowski (1981) mengatakan perbezaan tahap jenayah adalah berbeza dengan tahap perapatan. Semakin banyak kesalahan yang dilakukan, semakin kurang perapatan dalam perhubungan dengan rakan sebaya dan lebih banyak melibatkan diri dalam perhubungan yang negatif dengan rakan sebaya.

Samsudin (1992) mengatakan bahawa keyakinan pada diri untuk mengamalkan kemahiran diri kepada beberapa situasi berlainan akan menentukan kejayaan atau kegagalan seseorang dan menolak pengaruh rakan sebaya yang negatif. Kekurangan kecekapan sosial seperti kebolehan mengenalpasti seperti akibat tindakan dan alternatif penyelesaian masalah, mengambilkira perspektif atau pandangan orang lain, dan mentafsir tanda sosial dengan betul akan menyebabkan seseorang melakukan tingkahlaku delinkuen (Gottefredson, Sealock, & Koper, 1996; Hawkins, Catalano, & Miller, 1992; Howell, Krisberg, Wilson & Hawkins, 1995).

Kebimbangan dan Tingkahlaku Devian

Kajian ini menunjukkan tidak wujud hubungan di antara faktor kebimbangan dengan tingkahlaku devian di kalangan pelajar universiti. Keputusan ini bertentangan dengan pendapat Wan Abdul Kader Wan Ahmad (1994) yang mengatakan kebimbangan yang dialami pada peringkat remaja dan awal dewasa menyebabkan ramai yang terjerumus ke alam kehidupan devian dan merosakan diri. Namun hasil kajian menunjukkan persamaan dengan pendapatnya yang mengatakan bahawa pelajar universiti sememangnya mengalami kebimbangan.

Menurut Fisher (1994), kebanyakan pelajar institusi pengajian tinggi bimbang kerana tidak dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan di universiti dalam aspek akademik dan rutin harian kampus. Tahap kebimbangan didefinisikan sebagai jumlah kekerapan yang dilaporkan dan kajian yang dijalankan oleh Fisher dan Hood (1987) menunjukkan tahap kebimbangan tertinggi yang dilaporkan oleh pelajar ialah masalah dalam akademik, sosial, keluarga, dan kesihatan. Pelajar juga lebih mengalami kebimbangan dalam aspek keluarga dan kesihatan. *Homesickness* dikatakan masalah yang kerap dilaporkan oleh pelajar tetapi hanya pada peringkat awal iaitu tahun pertama pengajian. Tetapi sesetengah pelajar yang mengalami *homesickness* akan berterusan sepanjang kehidupan akademik mereka dan keadaan ini menyebabkan mereka boleh melakukan tingkahlaku devian.

Mereka yang mengalami *homesickness* ini akan mengalami tekanan dan akan tinggal dalam bilik bersendirian, tidak hadir ke kuliah dan tidak dapat berfungsi dengan baik.

Terdapat juga kajian mendapati apabila seseorang itu bimbang mereka akan cenderung untuk mengatasi masalah tersebut dengan terlibat dalam penyalahgunaan bahan. Philips (1997) mengatakan mereka yang mengalami kebimbangan akan cuba untuk mengurangkannya dengan mengambil dadah. Menurutnya lagi, mereka juga cuba untuk mengurangkan kebimbangan dengan menggunakan makanan dan tembakau. Ini kerana mereka yang bimbang tentang berat badan akan mengurangkan pengambilan makanan terutamanya bagi perempuan dan akan merokok untuk menenangkan fikiran bagi lelaki.

Kebimbangan tercetus apabila seseorang memikirkan yang mereka tidak berkeupayaan untuk melakukan sesuatu tugas (Wan Abdul Kader Wan Ahmad, 1994). Menurut Kamal Abd. Manaf (1996), manusia itu sebenarnya banyak menghadapi perasaaan kerisauan, takut kepada kegagalan mencapai kesempurnaan hidup dan akan melahirkan kegelisahan. Pendapat ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Monte dan Fish (1989) yang mendapati mereka yang bimbang dan takut gagal dalam akademik akan melakukan tingkahlaku devian dengan meniru dan kebanyakannya berlaku apabila mendapati kesukaran dalam memudahkan tugas. Cassady dan Johnson (2002) juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kebimbangan dengan kesan negatif terhadap ukuran pencapaian akademik.

Dari segi jantina, perempuan lebih banyak mengalami kebimbangan daripada lelaki. Kajian ini mendapati perempuan lebih tinggi mengalami kebimbangan secara signifikan daripada lelaki. Namun keputusan ini tidak mengambarkan sebarang perbezaan yang menunjukkan bahawa perempuan lebih banyak melakukan tingkahlaku devian berbanding lelaki.

Hubungan Rakan Sebaya dan Tingkahlaku Devian

Kajian ini menunjukkan terdapat hubungan negatif secara signifikan di antara hubungan rakan sebaya dengan tingkahlaku devian di kalangan pelajar universiti. Hasil keputusan ini mentafsirkan bahawa semakin tinggi tahap hubungan rakan sebaya, semakin kurang tingkahlaku devian yang dilakukan..

Keputusan kajian ini selaras dengan kajian oleh Pabon, et.al. (1992) yang mengkaji hubungan rakan sebaya dengan delinkuen. Kajian mendapati kekurangan hubungan di antara dimensi rakan sebaya iaitu intimasi dan perapatan jumlah kawan mendorong berlakunya delinkuen. Pabon et.al. juga berpendapat kesempitan kualiti masa bersama juga mendorong berlakunya kekurangan intimasi dan perapatan dalam perhubungan rakan sebaya.

Penolakan rakan sebaya juga berkait rapat dengan delinkuen. Huggins (2001) mengatakan terdapat kajian yang membuktikan penolakan rakan sebaya mendorong berlakunya tingkahlaku agresif seperti keganasan. Mereka yang tidak agresif akan menjadi agresif apabila rakan tidak menerima mereka. Bilderaya (2004) mengatakan pengasingan iaitu tersisih dari rakan sebaya, perhubungan rakan sebaya yang lemah, kebolehan pemikiran kognitif yang tidak seimbang dan berhubung rapat dengan rakan yang mempunyai masalah tingkahlaku berkait rapat dengan faktor risiko tingkahlaku.

Menurut Took (2004), rakan sebaya boleh memberi pengaruh yang positif atau kebaikan antara satu sama lain dan kadangkala boleh mempengaruhi dalam bentuk yang negatif atau kejahatan. Menurut Rimm (2001), rakan yang terdiri daripada pelajar yang baik, akan lebih terlibat dalam aktiviti kurikulum, sibuk membina kemahiran dan tarikan adalah lebih memberi kesan yang positif kepada rakan-rakan yang lain, manakala rakan sebaya yang merokok, minum alkohol, guna dadah dan menentang sekolah akan lebih memberi kesan yang sama kepada rakan-rakan yang lain.

Menurut Abdullah Al-Hadi Muhamed (1992), rakan sebaya bukan sahaja mempengaruhi seseorang individu secara negatif melalui pujukan dan paksaan tetapi juga secara positif dengan memberi khidmat, sokongan dan peluang untuk membincangkan pandangan-pandangan yang bertentangan. Pengaruh kuat kumpulan rakan sebaya boleh digunakan secara konstruktif untuk membentuk tingkahlaku positif di kalangan mereka.

Dishion (1990) (dlm. Houtzager & Baerveldt, 1999) juga mengatakan delinkuen dewasa adalah mereka yang telah ditolak oleh rakan sebaya dan kemudian komited kepada kumpulan rakan sebaya yang devian. Dalam kumpulan ini, pelaksanaan yang negatif telah meningkat dan kemudian interaksi sosial mereka menjadi kurang berkualiti. Pendapat ini juga disokong oleh Pabon, et.al (1992) yang mengatakan penglibatan dalam tingkahlaku delinkuen secara amnya berkait dengan kekurangan perapatan emosional dalam persahabatan. Ini kerana rakan sebaya yang negatif mempengaruhi rakan sebaya yang lain untuk bertingkahlaku bertentangan dengan tuntutan agama dan norma-norma masyarakat (Abdullah Al-Hadi Muhamed, 1992)

Menurut Samsudin (1992), nilai-nilai murni yang ditanam di kalangan pelajar sejak kanak-kanak mungkin tidak mempunyai kesan banyak pengaruh terhadap tingkahlaku sekiranya pelajar berkenaan tidak berupaya menolak pengaruh rakan sebaya. Keupayaan untuk menolak pengaruh rakan sebaya adalah satu kemahiran penting yang perlu diperolehi oleh remaja agar remaja berkenaan boleh berperilaku sejajar dengan nilai yang

dianutinya. Dengan itu, remaja perlu mempunyai tanggapan kemujaraban kendiri (*self efficacy*) yang tinggi. Kemujaraban kendiri melibatkan sejauh mana seseorang itu menganggap dirinya berupaya menyusun pelaksanaan kemahiran kognitif sosial dan tingkahlaku (Bandura, 1983).

Tahap Pencapaian Akademik dan Tingkahlaku Devian

Keputusan kajian yang diperolehi mendapat tidak terdapat hubungan di antara tahap pencapaian akademik iaitu purata matagred keseluruhan (PMK) dengan tingkahlaku devian. Kebiasaannya hasil kajian para pengkaji mendapat pelajar yang mempunyai tahap pencapaian akademik rendah dikaitkan dengan tingkahlaku devian. Oleh itu, kajian ini secara jelasnya bertentangan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Daniel (2002) mendapat terdapat perbezaan tahap pencapaian akademik berhubung dengan tingkahlaku devian. Hasil kajian ini juga bertentangan dengan pendapat Cheung (1997) yang mengatakan terdapat hubungan antara pencapaian akademik yang rendah dengan tingkahlaku devian.

Keputusan kajian ini boleh juga secara logiknya berhubungkait dengan aktiviti kokurikulum yang dilakukan oleh pelajar. Ini kerana min PMK yang diperolehi ialah 3.01 dan boleh dikatakan agak tinggi jika dibandingkan min tertinggi yang boleh diperolehi ialah 4.00. Di universiti pelajar didedahkan dengan pelbagai dengan aktiviti kokurikulum yang dianjurkan atau diwajibkan oleh pihak universiti. Universiti Utara Malaysia khususnya, merupakan universiti pertama yang mewajibkan semua pelajar mengambil kursus kokurikulum dan diambil kira dalam pengiraan gred. Keadaan ini akan menyebabkan pelajar lebih terdedah kepada aktiviti yang sihat dan berfaedah disamping memperolehi gred yang baik dalam kursus yang diambil. Antara aspek kursus kokurikulum yang diterapkan ialah unit beruniform, sukan, kesenian, dan banyak lagi.

Menurut Mahmood Nazar dan Sabitha Marican (1995) wujudnya hubungan di antara *self-concept* penglibatan dalam aktiviti kokurikulum (atlit dan bukan atlit) dengan pencapaian akademik. Mereka juga mengatakan bahawa penglibatan dalam aktiviti kokurikulum mempunyai perkaitan rapat dengan penghargaan kendiri. Dengan adanya aktiviti kokurikulum yang tidak terlalu membebankan, tetapi lebih kepada membentuk akhlak dan mempunyai daya saing yang tinggi dapat membantu dari berlakunya gejala yang kurang sihat.

Rutler et.al. (1969) (dlm. Pushpalata, 1998) yang menjalankan kajian di 12 sekolah menengah di London mendapat sekolah yang tinggi kadar tingkahlaku delinkuen mempunyai kadar ponteng yang tinggi dan prestasi yang rendah (Katherine, 1989).

Perbezaan Tingkahlaku Devian Mengikut Jantina

Keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan tingkahlaku devian yang signifikan di antara jantina. Ini membawa maksud bahawa wujud hubungan antara tingkahlaku devian dengan jantina. Keputusan ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Morash (1986) yang mendapat terdapat hubungan yang signifikan di antara gender dan delinkuensi.

Lelaki dianggap lebih terdapat hubungan yang signifikan dengan tingkahlaku devian. Perbezaan tahap perapatan rakan sebaya di antara lelaki dan perempuan juga boleh menjelaskan perbezaan tahap delinkuen (Morash, 1986). Menurut Hirschi (1969) dan Hindelang (1973) menunjukkan perhubungan di antara tahap perapatan dan delinkuensi,

perempuan dikatakan lebih rapat dengan keluarga sementara lelaki lebih kepada rakan sebaya.

Perempuan secara konsisten telah ditemui mempunyai tahap delinkuensi yang rendah berbanding lelaki (Canter 1982; Elliot, Huizinga, dan Ageton 1985; Hindelang 1973; Sarri 1983; Williams dan Gold 1972) (dlm. Jenkins, 1997). Perbezaan tingkahlaku devian juga dikaitkan dengan ciri-ciri yang terdapat pada jantina tersebut. Bagi perempuan mereka dikatakan lebih mempunyai empati atau kebencian kepada sifat agresif dan menghasilkan keputusan mereka untuk menahan diri dari menyertai rakan sebaya yang cenderung melakukan tindakan ganas (Morash, 1983b; Hoffman, 1977). Ini kerana perempuan wujud untuk menjadi kurang agresif dan lebih memberi perhatian dalam kelas dan kurang suka menganggu diluar kelas berbanding lelaki (Jenkins, 1997).

Perempuan juga dikatakan lebih mempunyai ikatan sosial di sekolah dan kurang terlibat dalam delinkuensi di sekolah berbanding lelaki (Jenkins, 1997). Ini dapat dibuktikan dengan nisbah pelajar institusi pengajian tinggi seperti di Universiti Utara Malaysia yang mana 70% pelajar adalah terdiri daripada perempuan dan lelaki hanya 30% dibandingkan dengan statistik lelaki dan perempuan yang dimasukkan ke penjara. Statistik Jabatan Penjara pada kemasukan tahunan dalam tahun 1996 menunjukkan seramai 25,750 banduan lelaki telah dimasukkan berbanding dengan banduan perempuan iaitu hanya 1,928.

Dembo, et.al. (1992) juga mendapat terdapat perbezaan yang signifikan dengan tingkahlaku devian di antara belia lelaki dan perempuan. Lelaki juga dikatakan lebih agresif daripada perempuan, terdapat kajian yang mengatakan terdapat perbezaan agresif di antara lelaki dan perempuan (Frodi, Macaulay, & Thome, 1977). Lelaki juga dengan teguhnya lebih agresif secara fizikal berbanding dengan perempuan dalam kebanyakan keadaan (Eagly & Steffan, 1986). Menurut Rende (1993) emosionaliti pada awal kanak-kanak juga berkait dengan delinkuen di kalangan lelaki.

Kesan kepada keganasan yang dilakukan oleh lelaki cenderung akan lebih teruk disebabkan oleh kekuatan fizikal yang dimiliki dan perbezaan gender antara lelaki dan perempuan juga menunjukkan bahawa agresif secara fizikal adalah lebih kuat berbanding agresif secara verbal (Eagly & Steffan, 1986) yang lebih dimiliki oleh perempuan. Eagly dan Steffan (1986) juga mengatakan agresif oleh lelaki sebahagian besarnya disebabkan oleh sifat dominan dan kuasa, manakala perempuan lebih berkaitrapat dengan ekspresi perasaan negatif seperti kemarahan, atau kekecewaan.

Perbezaan Tingkahlaku Devian Mengikut Bangsa

Keputusan yang diperolehi menunjukkan terdapat perbezaan secara signifikan antara tingkahlaku devian dengan bangsa. Bangsa yang memperolehi min tingkahlaku devian yang paling tinggi ialah di kalangan pelajar lain-lain bangsa, diikuti oleh pelajar Cina, India dan melayu.

Walaupun min perbezaan tingkahlaku devian yang diperolehi menunjukkan pelajar lain-lain bangsa memperolehi min yang paling tinggi, namun secara realitinya bangsa Melayu merupakan bangsa yang paling banyak melakukan tingkahlaku devian. Berdasarkan kepada statistik Jabatan Penjara 1996 kemasukan tahunan 1996 banduan sabitan mengikut keturunan didapati bangsa Melayu mencatat jumlah paling tinggi dengan 7,530 orang, diikuti Cina (2,674), India (1,728) dan paling rendah lain-lain bangsa dengan 807

orang, manakala mereka yang mempunyai taraf pendidikan pada peringkat universiti ialah seramai 108 orang iaitu 0.39% dan jumlahnya boleh dikatakan amat sedikit.

Dalam konteks tahap pendidikan tinggi seperti di universiti, kemungkinan pelajar Melayu lebih mempunyai kesedaran terhadap perlakuan yang dilakukan dan didorong oleh faktor agama yang majoritinya menganut agama Islam. Tetapi berdasarkan Jadual 1.1 dan 1.2 pada awal pengenalan dengan jelas membuktikan bahawa pelajar universiti berbangsa Melayu terlibat dengan serius dalam tingkahlaku devian dan jenayah jauh berbeza dari bangsa-bangsa yang lain. Keadaan ini tidak boleh disangkal kerana ia adalah realiti yang berlaku walaupun keputusan yang diperolehi dalam kajian ini menunjukkan bangsa Melayu yang terlibat dalam tingkahlaku devian adalah rendah.

Keadaan ini berlaku juga mungkin disebabkan oleh jumlah penduduk yang terdapat di Malaysia. Berdasarkan kepada Banci Penduduk dan Perumahan pada tahun 2000, Banci menunjukkan peningkatan yang tinggi dari 18.38 juta pada tahun 1991 kepada 23.27 juta penduduk. Komposisi etnik menunjukkan perbezaan yang amat ketara dengan jumlah penduduk warganegara Malaysia dianggarkan 21.89 juta atau 94.1%. Daripada jumlah tersebut kaum bumiputera atau majoritinya bangsa Melayu terdiri daripada 65.1%, Cina 26.0%, dan India 7.7%.

Banci ini telah menunjukkan bahawa bangsa Melayu merupakan bangsa paling ramai berbanding dengan bangsa-bangsa yang lain. Apa yang dapat dirumuskan disini ialah kemungkinan besar jumlah bilangan tingkahlaku devian atau jenayah yang dilakukan oleh bangsa Melayu dipengaruhi jumlah penduduk. Semakin ramai jumlah penduduk semakin ramai mereka yang melakukan tingkahlaku devian. Walaupun terdapat beberapa pendapat yang mengatakan bahawa pelajar Melayu begitu lemah dan mudah terpengaruh dengan ajakan rakan-rakan sehingga sanggup melakukan apa sahaja untuk keseronokan (Utusan Malaysia, 17 Februari 1999), tetapi jika dibandingkan dengan jumlah penduduk mengikut komposisi etnik, bangsa Melayu adalah paling ramai, maka tidak mustahil jika bangsa Melayu paling banyak terlibat dalam jenayah.

Rujukan

- Ab. Alim Abdul Rahim. (1994). *Pengantar psikologi bilazim*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Ahmad Badawi. (2004). *Teks Ucapan YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia, Majlis Perasmian Konvensyen Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) IPTA 2004*, pada 4 Februari 2004, di Genting International Convention Centre, Genting Highland, Pahang. Online. <http://www.pmo.gov.my>. Sumber Pejabat Perdana Menteri. dilayari pada (Rabu, 26 Januari 2005).
- Abdullah Al-Hadi Muhammed. (1992). *Permasalahan bohsia/bohjan: Satu tinjauan dari sudut kedudukan faktor dan cara menanganinya*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia. Dlm. Mahmood Nazar & Sabitha Marican. (1995). *Prosiding: Seminar kebangsaan gejala sosial*. Sekolah Pembangunan Sosial, Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Agnew, R. (1990). Adolescent resources and delinquency. *Criminology*, 28(4), 525-566.
- Agnew, R., Brezia, T., Wright, J. P., & Cullen, F. T. (2002). Strain, personality traits, and delinquency: extending general strain theory. *Criminology*, 40(1), 43- 70.
- Amir Hasan Dawi. (2002). *Penteorian sosiologi dan pendidikan*. (Edisi ke-2). Tanjong Malim, Perak: Quantum Books.
- Anastasi, A. (1982). *Psychological testing*. (4th ed.). New York: McMillan Publishing Company.
- Asher, S. & Bursuck, W. (1986). The relationship between social competence and achievement in elementary school children. *Journal of Clinical Child Psychology*, 15(1), 41-49.
- Baharom Kamarin. (2002). 'Situasi Disiplin Pelajar Sekolah Masa Kini: Isu, Masalah dan Penyelesaian' Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) peringkat Kebangsaan ke-5, Melaka. dlm. *Sikap dan Punca Masalah disiplin*. Online. <http://www.cikgu.net.my>. (22 Ogos 2002) dilayari pada (Jumaat, 24 Disember 2004).
- Barbu, Z. (1971). *Society, culture and personality: An introduction to social science*. Oxford: Blackwell, Ltd.
- Berita Harian*. Punca masalah disiplin pelajar. 1 Julai 2000.

- Bilderaya, R. E. (2004). *Juvenile delinquency: Cause and effect*. Online. <http://www.correction.com>. Dilayari pada (Ahad, 6 Februari 2005).
- Box, S. (1987). *Devians, realiti dan masyarakat*. Terj. Cheu Hock Tong. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Briggs, A. (1990). *The Longman Encyclopedia*. Longman House, Burnt Mill, Harlow, England: Longman Group UK Limited.
- Cartledge, G. & Millburn, J. F. (1995). *Teaching social skills to children and youth: innovative approaches*. (3rd ed.). Boston: Allyn and Bacon.
- Cheung, Y. W. (1997). Family, school, peer, and media predictors of adolescent deviant behavior in Hong Kong. *Journal of Youth and Adolescence*, 26(5), 569-597.
- Cohen, A. (1955). *Delinquency boys*. New York: Free Press.
- Coie, J. & Krehbiel, G. (1984). Effects of Academic Tutoring on the Social Status of Low-Achieving, Socially Rejected Children. *Child Development*, 55, 1465-1478.
- Danbury. (1987). *Grolier academic encyclopedia: ang-az*. 2 Grolier International, Inc.
- Daniel, A. J. (2002). *An exploration of middle and high school students' perceptions of deviant behavior when using computers and internet*. Proceeding of the 2002 ASCUE Conference, 9-13 Jun 2002. Myrtle Beach, South Carolina. Online. <http://fits.depauw.edu/ascue/proceedings/2002/61.pdf>. dilayari pada (14 april 2004).
- Dembo, R., Williams, L., Wothke, W., Schmeidler, J., Getreu, A., Berry, E., & Wish, E. D. (1992). The generality of deviance: Replication of structural model among high-risk youths. *Journal of Research in Crime and Delinquency*, Sage Publications, Inc. 29(2), 200-216.
- Eagly, A. H., & Steffan, V. J. 91986). Gender and aggressive behavior: A metaanalytic review of the social psychological literature. *Psychological Bulletin*, 100,309-330.
- Edward, S., & Malcolm, H. (2002). *The causes and effects of truancy*. Online. <http://www.scre.ac.uk>. Dilayari pada (Isnin, 13 Disember 2004).
- Edwards, R. L. (1995). *Encyclopedia of social work*. Washington, D. C.: National Association of Social Workers Press.
- Fisher, S. (1994). *Stress in academic life*: The mental assembly line. Buckingham: Society for Research into Higher Education & Open University Press.
- Fraser, M. W. (2004). *Student accountability standards*. Online. <http://www.ncpublicschools.org>. dilayari pada (Ahad, 6 Februari 2005).

- Gerrish, C., & Gayton, W. (2000). *Deviant - abnormal behaviors in young children*. Online. <http://www.umm.maine.edu>. dilayari pada (Ahad, 6 Februari 2005).
- Gelfand, D. M, Jenson, W., & Drew, C. (1997). *Understanding child behavior disorders*. (3rd ed.). Fort Worth: Harcourt Brace College Publishers.
- Gottfredson, D. C. (1995). *School-based crime prevention*. Online. <http://www.ncjrs.org>. dilayari pada (Ahad, 6 Februari 2005).
- Hansell, S., & Wiatrowski, M. D. (1981). Competing conceptions of delinquent peer relations, dlm. Jensen, G. F. (ed.). *Sociology of Delinquency, Current Issues*. Beverly Hills: Sage Publications, Inc..
- Houtzager, B. & Baerveldt, C. (1999). Just like normal: A social network study of the relation between petty crime and the intimacy of adolescent friendships. *Social Behavior and Personality*, Society for Personality Research, Inc. 27(2) 177-1921.
- Huggins, C. E. (2001). *Rejection by peers may lead to violent behavior*. Online. <http://www.rense.com>. Dilayari pada (Sabtu, 18 Disember 2004).
- Jan ter Laak, Goede, M., Aleva, L., Brugman, G., Leuvan, M., & Hussmann, J. (2003). *Incarcerated adolescent girls: Personality, social competence, and delinquency*. Online. <http://www.findarticles.com>. Dilayari pada (Ahad, 6 Februari 2005).
- Jenkins, P. H. (1997). School delinquency and school social bond. *Journal Research in Crime and Delinquency*, Sage Publications, Inc. 34(3), 337-367).
- Jessor, R. L., Collins, M. I., & Jessor, S. L. (1972). On becoming a drinker: Social psychological aspects of an adolescent transition. *Annals of the New York Academy of science*, 197, 199-213.
- Jones, M. C. (1968). Personality correlates and antecedents of drinking patterns in adult males. *Journal of Consulting and clinical Psychology*, 36, 61-69.
- Kagan, J. & Gall, S. B. (1998). *The gale encyclopedia of children and adolescence*. Detroit, New York: Gale Research.
- Kamal Abd. Manaf. (1996). *Manusia dan personaliti: Membentuk insan yang sempurna*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Kaplan, R. M. & Saccuzzo, D. P. (2001). *Psychological testing: Principles, applications, and issues*. Sydney: Wadsworth.
- Kartini Kartono. (1986). *Patologi sosial 2: Kenakalan remaja*. Jakarta: C V Rajawali.

- Keng, C. H. (2004). Educational initiatives to overcome juvenile delinquency. *Paper presented at the National Conference on Juvenile Delinquency on 14-15 December, organized by Malaysia Crime Prevention Foundation*, Kuala Lumpur. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- King, K. (1998). Cognitive-behavioral treatment of school-refusing children: A controlled evaluation. *Journal of the American Academy of Children and Adolescent Psychiatry*, 37 (4), 395-404.
- Malaysia. (2003). *Perangkaan Kebajikan Masyarakat Malaysia*. Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Kuala Lumpur.
- Malaysia. (1996). *Statistik Penjara Malaysia 1996*. Jabatan Penjara Malaysia. Kuala Lumpur.
- Mayer, J. E. (1988). The personality characteristics of adolescents who use and misuse alcohol. *Adolescence*, San Diego: Libra Publisher, Inc, 23(90), 383-404.
- Maxwell, K. A. (2002). Friends: The role of peer influence across adolescent risk behaviors. *Journal of Youth and Adolescence*, 31(4), 267-278.
- McArthur, J. (1998). The why, what, and, how of teaching social skills. *The Social Studies*, 93(4), 183-185.
- McCord, W., & McCord, J. (1962). *Origins of alcoholism*. A longitudinal study of the personality alcoholics. Dlm. Pittman, D. J., & Snyder, C. R., *Society, Culture, and Drinking Patterns*. New York: Wiley.
- Mischel, W. (1986). *Introduction to personality: A new look*. (4th ed.). Fort Worth: Harcourt Brace Jovanovich College
- McKay, J. R. (1961). Clinical observations on adolescent problem drinkers. *Quarterly Journal of Studies on Alcohol*, 22, 124-134.
- Monte, C. F., & Fish, J. M. "The fear-of-failure personality and academic cheating". Dlm. Schwarzer, R., Vander Ploeg, H. M., & Spielberger, C. D. (1989). *Advances in test anxiety: Research volume 6*. Amsterdam: Swets & Zeitlinger.
- Montgomery, B., & Morris, L. (1994). *Living with anxiety: a practical research-based plan for managing anxiety problem*. Singapore: Heinemann Asia.
- Morash, M. (1986). Gender, peer group experiences, and seriousness of delinquency. *Journal of Research In Crime and Delinquency*. Sage Publications, Inc, 23(1), 43-53. Morrison, G. S. (1984). *Early childhood education today*. (3rd ed). Columbus: Merrill Publishing Company.

- Pabon, E., Rodriguez, O., & Gurin, G. (1992). Clarifying peer relations and delinquency. *Youth & Society*, Sage Publications, Inc. 24(2), 149-165.
- Parke, R. & Welsh, M. (1998). Social Relationships and Academic Success. *Thrust for Educational Leadership*, 29(1).
- Philips, E. L. (1977). *Day to day anxiety management*. Huntington, New York: Robert E. Krieger Publishing Company.
- Pusphalata, R. Ramasamy. (1998). *Tingkah laku agresif dan jenayah di kalangan belia India. Satu kajian perbandingan antara banduan dan bukan banduan*. Latihan Ilmiah. Tidak diterbitkan, Jabatan Psikologi, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Rimm, S. (2001). *Peer influence*. Online. <http://www.sylviarimm.com>. Dilayari pada (Selasa, 28 Disember 2004).
- Robbins, S. P. (1989). *Organizational behavior: concept, controversies and application*. (4th ed.). Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Robinson, J. P., & Shaver, P. R. (1973). *Measures of social psychological attitudes*. Revised edition. Ann Arbor, Michigan: Survey Research Center, Institute for Social Research.
- Ryckman, R. M. (2000). *Theories of personality*. (7th ed.). Sydney: Wadsworth.
- Samsudin A. Rahim.(1992). *Isu remaja dan gejala sosial: Potensi komunikasi pembangunan*. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Dlm. Mahmood Nazar & Sabitha Marican. (1995). *Prosiding: Seminar kebangsaan gejala sosial*. Sekolah Pembangunan Sosial, Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Sanderson, W. (1992). *Why do people worry and how one can overcome it?* Online. <http://www.drsanderson.com>. (14 Julai 1992) dilayari pada (11 Mac 2005).
- Schultz, D., & Schultz, S. E. (1994). *Theories of personality*. (5th ed.). Pacific Grove, California: Brooks/Core Publishing Company.
- Sekaran, U. (2003). *Research methods for business:A skill building approach*. (4th ed.). Chichester: John Wiley & Sons, Inc.
- Siegel, L. J. (2003). *Criminology*. (8th ed.). Belmont: Wadsworth, A Division of Thomson Learning, Inc.
- Shoemaker, D. J. (1994). Male-female delinquency in the Philipines: A comparative analysis. *Journal of Youth and Society*, 25(3), 299-329.

- Smith, D. A., Visher, C. A. & Jarjoura, G. R. (1991). Dimension of delinquency: exploring the correlates of participation, frequency and persistence of delinquent behavior. *Journal of Research In Crime and Delinquency*, 28, 6-32.
- Summers, D. (1987). *Longman dictionary of contemporary English*. (New ed.). Essex: Longman.
- Took, K. J. (2004). *Defining peer pressure*. Online. <http://www.kidshealth.org>. dilayari pada (Jumaat, 24 Disember 2004).
- Utusan Malaysia*. Golongan belia paling banyak terlibat jenayah. 4 Januari 2003, 26.
- Utusan Malaysia*. Jenayah Pelajar. 17 Oktober 2000.
- Utusan Malaysia*. Melayu banyak terbabit jenayah., 17 Februari 1999, 13.
- Utusan Malaysia*. Pecahan mengikut umur saspek kesalahan seksual. 1 Mac 2004, 4.
- Wan Abdul Kader Wan Ahmad (1994). *Kaunseling kelompok berstruktur: Pengurangan keimbangan sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Warr, M. (1993). Age, peer, and delinquency. *Criminology*, 31(1), 17-40.
- Wetland, E. J. & Smith, K. W. (1993). *Survey responses: An evaluation of their validity*. Chicago: Academic Press, Inc.
- Wentzel, K. (1991). Relations Between Social Competence and Academic Achievement in Early Adolescence. *Child Development*, 62, 1066-1078.
- Wise, K. L., Bundy K. A., Bundy, E. A., & Wise, L. A. (1991). Social skills training for young adolescents. *Adolescence*, Libra Publisher, Inc. 26(101), 232-241.